



Projek pembangunan didakwa menyebabkan **sungai tertimbus tanah dan batu** sehingga menyebabkan banjir.

[ FOTO MOKHSIN ABIDIN / BH ]



**Kami bimbang sungai ini akan terhapus dan akibatnya terpaksa ditanggung penduduk, yang tinggal di kaki bukit ini"**

**Abdul Muhaimin Daud,**  
Penduduk

dari hulu sungai selepas hujan lebat.

Penduduk sempat membawa wartawan BH Sentral meninjau kawasan pembangunan terbabit yang didapati gondol, manakala hulu sungai menjadi cetek selepas ditenggelami tanah dan batu.

Penduduk, Abdul Rashid Hashim, 30, berkata kejadian banjir seumpama itu tidak pernah berlaku di perkampungan berkenaan sejak beliau tinggal di situ.

"Ketika kejadian, saya dan isteri tiada di rumah. Sebaik tiba, kami terperanjat melihat kawasan rumah kami dinaiki air sehingga tidak nampak sungai yang mengalir di depan rumah lagi.

"Apabila air surut, sungai yang dulu indah dan jernih ditimbusi tanah dan batu. Kejadian ini menyebabkan kami trauma, tambahan pula apabila memikirkan bahagian hulu sungai di atas bukit ini sudah cetek dan tidak mampu menampung air. Ini pasti menyebabkan

banjir lebih teruk kelak," katanya.

Beliau berkata, pihak berkaitan, terutama pemaju projek, Panzana Enterprise (Panzana), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) perlu mengambil langkah mencegah kejadian lebih buruk.

Abdul Muhaimin Daud, 29, berkata selama lebih 20 tahun tinggal di kampung itu, belum pernah kejadian banjir berlaku seperti minggu lalu.

#### **Air keruh**

"Selama ini penduduk menggunakan air sungai untuk makan minum tetapi sekarang air sungai keruh akibat sungai dipenuhi tanah merah dan batu.

"Dasar sungai juga menjadi cetek dan sempit. Kami bimbang sungai ini akan terhapus dan akibatnya terpaksa ditanggung penduduk, yang tinggal di kaki bukit ini. Sejak kejadian banjir itu, kami tidak dapat tidur lena setiap kali hujan lebat," katanya.

## **JKR bina benteng**

**Ketua** Penolong Pengarah Kanan JKR, Abdul Rahman Abdul Aziz, berkata pihaknya akan mengambil langkah pencegahan dengan membina benteng bagi mengepung tanah, yang terhakis oleh hujan di sekitar tapak pembinaan.

#### **Korek longgokan batu, tanah**

"Mesyuarat sudah dijalankan bersama MPS dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi membincangkan kejadian banjir ini. Bagi langkah jangka pendek, kontraktor Panzana akan mengorek longgokan batu dan tanah.

**Langkah jangka panjang pula mengepung tanah yang terhakis bagi mengelakkan ia menutup sungai"**

**Abdul Rahman Abdul Aziz,**  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Kerja Raya

# **Trauma banjir lumpur**

» **Tanah, batu daripada aktiviti pembangunan, punca sungai tertimbus**

**Oleh Halina Mohd Noor**  
halina@bharian.com.my

► **Rawang**

**L**ebih 10 keluarga di Jalan Sepakat, Kampung Melayu Batu 16, di sini, trauma setiap kali banjir lumpur berulang.

Penduduk mendakwa banjir lumpur berkenaan berpunca daripada pembangunan giat di atas bukit, kira-kira 400 meter di bahagian belakang perkampungan mereka bagi membina lebuh raya pintas ke Serendah.

#### **Sungai tertimbus**

Aktiviti membotakkan hutan di tapak pembangunan juga menyebabkan bahagian hulu Sungai Terentang yang mengalir ke perkampungan mereka, ditimbus oleh batu dan tanah sekali gus menjadi punca banjir berkenaan.

Dalam kejadian sebelum ini, sungai yang melalui kampung berkenaan ditimbus dengan tanah dan batu, yang hanyut